

# Naib Canselor baharu akan teruskan dasar UMS sedia ada

NST 1.8.2019 3

**KOTA KINABALU:** Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang baharu, Prof Dr Taufiq Yap Yun Hin, 51, akan meneruskan dasar universiti itu dengan berbekalkan pengalaman sedia ada.

Taufiq Yap berkata beliau juga akan membawa idea-idea baharu, bagi menambah baik dasar yang telah dilaksanakan demi kemajuan UMS.

Katanya perancangan awal beliau ialah meningkatkan 'keterlihatan' UMS untuk bukan hanya terkenal di Sabah, tetapi juga di peringkat antarabangsa.

"Kita berbangga UMS telah bersedia ke arah Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), namun tumpuan saya terarah kepada meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan IR4.0," katanya di majlis serah terima tugas daripada bekas Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkuatkuasa pada Selasa, di sini, kelmarin.

Majlis disaksikan Menteri Pelajaran dan Inovasi Sabah Datuk Dr Yusof Yacob dan Pengerusi Lembaga Pengaruh UMS Datuk K.Y. Mustafa.

Berasal dari Kota Kinabalu Taufiq Yap berkata beliau bersama pasukan UMS akan kerjasama, khususnya dengan pihak industri di Sabah dan antarabangsa agar dapat memenuhikehendak pasaran.

Sementara itu Dr Yusof dalam sidang medianiay melahirkan penghargaan kepada Dr D Kamarudin atas sumbangan beliau sepanjang menerajui UMS.

Beliau berkata peralihan tugas merupakan proses biasa, agar pendekatan baharu akan dapat menghasilkan mahasiswa lebih berkualiti.

"Selain bekerjasama dalam IR4.0, kita juga mahu UMS menjadi pusat penyelidikan terunggul di Sabah kerana negeri kita kaya dengan flora dan fauna," katanya. - Bernama



NST 1.8.2019 1

**TERIMA TUGAS ...** Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) keenam, Profesor Dr Taufik Yap Yun Hin bersedia menjalankan amanah yang diberikan.

Berucap Majlis Serah Tugas Naib Canselor UMS di sini pada Rabu, Dr Taufik berkata, beliau akan memberi tumpuan meningkatkan kaedah pengajaran dan pembelajaran di universiti itu.

"UMS akan meningkatkan kerjasama dengan pemain industri di negara ini khususnya yang ada di Sabah dan antarabangsa supaya

program pengajian kita dapat diolah dan disesuaikan dengan kehendak pasaran.

"Dengan demikian, kita dapat melahirkan graduan yang berkualiti tinggi bagi memenuhi kekosongan pekerjaan."

Taufiq yang mengantikan Profesor Datuk Dr D. Kamarudin D Mudin bermula pada 30 Julai sehingga 29 Julai 2022.

Penyerahan buku serah tugas Dr D Kamarudin (kanan) kepada Dr Taufiq. - Berita lanjut lihat Muka 3